



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 24 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	ALL RELIEF CENTRES READY TO OPEN IN EVENT OF FLOODS, SAYS MINISTER		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/11/23/all-relief-centres-ready-to-open-in-event-of-floods-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/23/semua-pps-siap-siaga-boleh-dibuka-bila-bila-masa-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/23/kpwkm-sentiasa-bersedia-salurkan-bantuan-kepada-mangsa-banjir/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/pps-on-standby-for-flood-evacuees/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	INSTITUSI KELUARGA TERAS PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERETIKA - NANCY		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2494112	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2494119	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/institusi-keluarga-teras-penting-bentuk-masyarakat-beretika-nancy/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/institusi-keluarga-teras-pembentukan-masyarakat-beretika-nancy-548794	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/family-institution-key-to-ethical-society-says-minister-nancy-shukri	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SEMAKIN RAMAI LELAKI TAMPIL LAPORKAN GANGGUAN SEKSUAL		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/semakin-ramai-lelaki-tampil-laporkan-gangguan-seksual	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/23/tribunal-anti-gangguan-seksual-perkasa-perlindungan-lelaki-dan-wanita-nancy/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/23/psss-diperkasa-aduan-gangguan-seksual-terhadap-lelaki-kini-lebih-1000-kes-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://suarasarakawak.my/aduan-gangguan-seksual-lelaki-meningkat-lebih-1000-kes/	SUARASARAWAK.MY	
	https://utusansarakawak.com.my/psss-bantu-lelaki-berani-tampil-lapor-gangguan-seksual-nancy/	UTUSANSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BANTUAN UNTUK PELAJAR UUM TERKANDAS DI HATYAI DIPERCEPAT- NANCY		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bantuan-untuk-pelajar-uum-terkandas-di-hatyai-dipercepat-nancy	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MAJIKAN DIGALAK MANFAAT INSENTIF POTONGAN CUKAI AKTIVITI KEKELUARGAAN		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/majikan-digalak-manfaat-insentif-potongan-cukai-aktiviti-kekeluargaan/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KEBERANIAN MOHAMAD AMIRUL ASYRAF REDAH API SELAMATKAN BAPA SAUDARA		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291274/keberanian-mohamad-amirul-asyraf-redah-api-selamatkan-bapa-saudara	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	JKM TERIMA PENGIKTIRAFAN MALAYSIA BOOK OF RECORDS BAGI PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-terima-pengiktirafan-malaysia-book-of-records-bagi-program-advokasi-perlindungan-kanak-kanak	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/program-advokasi-perlindungan-kanak-kanak-jkm-diiktiraf-mbor/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2494284	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475545/program-advokasi-perlindungan-kanak-kanak-jkm-diiktiraf-mbor	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291324/program-advokasi-perlindungan-kanak-kanak-jkm-diiktiraf-mbor	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/program-advokasi-kanak-kanak-jkm-diiktiraf-mbor/	UTUSAN.COM.MY	
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2494286	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/jkm-sets-malaysia-record-for-largest-child-protection-advocacy-programme/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK 2025, HAK KANAK-KANAK DIDENGARI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sambutan-hari-kanak-kanak-2025,-hak-kanak-kanak-didengari	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/23/govt-commitment-to-protecting-childrens-rights-through-various-laws-and-initiatives-says-wan-azizah	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	9,384 MANGSA BANJIR DIREKODKAN DI TUJUH NEGERI, KELANTAN TERTINGGI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291347/9384-mangsa-banjir-direkodkan-di-tujuh-negeri-kelantan-tertinggi	HMETRO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kelantan-lebih-1,500-penduduk-dipindahkan-ke-pps	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475452/mangsa-banjir-terus-meningkat-lebih-6000-orang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/23/banjir-jumlah-mangsa-meningkat-lebih-5000-orang-di-4-negeri/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757814/berita/semasa/mangsa-banjir-di-enam-negeri-terus-meningkat-kelantan-paling-tinggi	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757789/edisi/kelantan/mangsa-banjir-di-kelantan-meningkat-hampir-2000-orang-dipindahkan	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	MTL: KEDAH NEGERI TERBAHARU DILANDA BANJIR		NEGATIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2494056	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/23/kedah-latest-to-be-hit-by-monsoon-floods-thousands-displaced-across-three-states/199402	MALAYMAIL.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757788/berita/semasa/mtl-kedah-negeri-terbaharu-dilanda-banjir	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/23/mtl-kedah-negeri-ke-3-dilanda-bah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/23/number-of-evacuees-rises-to-2112-as-kedah-becomes-3rd-flood-affected-state	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PASIR PUTEH DAERAH KEEMPAT DILANDA BANJIR DI KELANTAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475354/pasir-puteh-daerah-keempat-dilanda-banjir-di-kelantan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291086/man-gsa-banjir-kelantan-meningkat-pasir-puteh-daerah-terbaru-dilanda-banjir	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kelantan-flood-monitoring-intensified-as-evacuees-rise-to-5394/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	TIGA PPS DIBUKA DI TERENGGANU, TEMPATKAN 571 KELUARGA SETAKAT INI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291119/tiga-pps-dibuka-di-terengganu-tempatkan-571-keluarga-setakat-ini	HMETRO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penduduk-terjejas-banjir-di-terengganu-meningkat-2	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291119/tiga-pps-dibuka-di-terengganu-tempatkan-571-keluarga-setakat-ini	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PULAU PERHENTIAN PULA DILANDA BANJIR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291073/pula-u-perhentian-pula-dilanda-banjir	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	DARAH HAID SELAMATKAN REMAJA DARIPADA DIROGOL		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291260/darah-haid-selamatkan-remaja-daripada-dirogol	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



| All relief centres ready to open in event of floods, says minister

BY KENTIGERN MINGGU ON NOVEMBER 23, 2025, SUNDAY AT 8:09 PM

SARAWAK



Nancy fields questions from the media.

SANTUBONG (Nov 23): All temporary relief centres (PPS) are ready to be opened at any time in the event of a flood, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The federal Minister of Women, Family and Community Development said her ministry was on high alert to respond to potential floods nationwide.

"Our preparedness involves enhanced operations by the Social Welfare Department (JKM) since October in collaboration with other agencies, including the National Disaster Management Agency (Nadma).

"My ministry and JKM have also conducted disaster simulations to ensure more efficient responses," she said during the Kem Kasih Keluarga 2.0 event in conjunction with Sarawak National Family Month at Damai Central here.

She said registration through JKM's Disaster Information Account (MyIBJKM) had also commenced nationwide, including flood-prone areas.

"Storage of essential items at PPS has also been organised and updated," she said.

On a related note, Nancy confirmed that assistance was being channelled through the Ministry of Foreign Affairs to students and lecturers from Universiti Utara Malaysia (UUM) stranded in Hatyai, Thailand due to limited food supplies caused by flooding.

"We were informed that they are unable to leave the area. Wisma Putra is providing assistance. Malaysians are fortunate that, wherever they are, relevant ministries will provide support," she said, emphasising that the Malaysian Representative Office Overseas serve as primary reference points for citizens requiring emergency aid.

She added that all arrangements have been made, provided that individuals report their situation or contact the relevant Malaysian Representative Office Overseas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Institusi Keluarga Teras Pembentukan Masyarakat Beretika – Nancy

🕒 23/11/2025 02:12 PM



KUCHING, 23 Nov (Bernama) -- Institusi keluarga berperanan sebagai teras penting dalam pembentukan masyarakat beretika dan bertanggungjawab, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) komited memperkukuh institusi keluarga menerusi dasar, program sokongan dan pendidikan keibubapaan yang disesuaikan dengan cabaran semasa.

"Pada masa kini, anak-anak membesar dengan pelbagai cabaran baharu, daripada pengaruh media sosial hinggalah tekanan emosi yang tidak terlihat oleh mata. Namun, dalam apa jua keadaan, keluarga tetap menjadi benteng perlindungan utama.

"Oleh itu, pengukuhan institusi keluarga perlu dilaksanakan secara holistik, merangkumi aspek ilmu keibubapaan, komunikasi berkesan, disiplin positif serta sokongan komuniti," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Kem Kasih Keluarga 2.0 sempena Bulan Keluarga Kebangsaan di sini hari ini.

Nancy berkata selari dengan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), peranan lelaki dalam pembangunan sosioekonomi negara akan terus diperkukuh melalui pelaksanaan Program Lelaki Budiman yang diperuntukkan RM4 juta.

"Pada majlis Perasmian Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan pada 9 Nov lepas, Modul Kebapaan sebagai Peneraju Kepimpinan Bapa telah dilancarkan.

"Modul ini menekankan peranan bapa sebagai pelindung, pembimbing dan pemimpin keluarga. Modul ini juga membantu mereka mengimbangi tuntutan kerja dan rumah tangga, mengurus tekanan dengan bijak serta berkomunikasi secara penyayang. Walaupun tiada bapa yang sempurna, setiap bapa mampu menjadi sumber kekuatan dan inspirasi kepada keluarga," katanya.

Nancy berkata kerajaan turut menyediakan potongan cukai 100 peratus kepada majikan yang menganjurkan aktiviti berteraskan kekeluargaan bagi menggalakkan persekitaran kerja yang harmoni dan produktif.

"Antara aktiviti yang layak termasuk hari keluarga, sukan syarikat, jamuan atau makan malam tahunan pekerja serta program bina pasukan yang menyokong kesejahteraan keluarga.

"Bagi melayakkan majikan menuntut potongan cukai itu, beberapa syarat asas perlu dipatuhi, antaranya aktiviti mestilah dianjurkan oleh majikan sendiri serta memberi manfaat kepada semua pekerja atau kumpulan pekerja tertentu selain perbelanjaan yang disahkan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Semakin ramai lelaki tampil laporkan gangguan seksual

Nasional - Dicipta: 23 November 2025 06:34 PM



FOTO HIASAN

KUCHING, 23 November – Peningkatan ketara laporan gangguan seksual oleh lelaki menunjukkan golongan itu kini semakin berani tampil mendapatkan bantuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata kaunselor Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini menerima hampir 1,000 laporan gangguan seksual terhadap lelaki, berbanding hanya sekitar 100 laporan beberapa tahun lepas menurut data polis.

"Dulu, kami hanya menerima sekitar 100 laporan gangguan seksual daripada lelaki, berdasarkan data pihak polis. Namun selepas memperkukuhkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), jumlah laporan meningkat kepada lebih 1,000 dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Perlu ditegaskan, laporan ini dibuat terus kepada kaunselor kami, bukan kepada pihak polis," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Penutup Program Kem Kasih Keluarga 2.0 sempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 peringkat negeri di Santubong, Kuching.

Menurut Datuk Seri Nancy, faktor rasa segan atau tidak selesa mungkin menjadi sebab lelaki sebelum ini kurang tampil membuat laporan rasmi. Namun, adanya saluran kaunseling yang mesra dan mudah diakses membolehkan lebih ramai tampil ke hadapan.

Beliau turut menegaskan bahawa Tribunal Anti Gangguan Seksual yang kini beroperasi di bawah undang-undang sedia ada bukan sahaja melindungi wanita, tetapi juga lelaki.

Justeru, kementeriannya akan terus memperkukuhkan mekanisme sokongan bagi memastikan semua mangsa, tanpa mengira jantina, berani mendapatkan bantuan dan keadilan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantuan untuk pelajar UUM terkandas di Hatyai dipercepat- Nancy

Nasional - Dicipta: 23 November 2025 05:27 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri

KUCHING, 23 November – Kerajaan Malaysia sedang mengambil tindakan segera bagi membantu sekumpulan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) serta seorang pensyarah yang dilaporkan terkandas di Hatyai akibat banjir dan kekurangan bekalan makanan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata penyaluran bantuan kini sedang diselaras oleh Kementerian Luar Negeri (KLN).

"Kita ada pihak daripada Kementerian Luar Negeri yang sedang berusaha membantu. Sebenarnya rakyat Malaysia sangat beruntung kerana di mana sahaja mereka berada, kementerian yang berkaitan akan sentiasa tampil memberikan bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Penutup Program Kem Kasih Keluarga 2.0 sempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 peringkat negeri di Santubong, Kuching.

Menurutnya, kementerian dimaklumkan terdapat sehingga 30 pelajar dan seorang pensyarah di Hatyai yang menghadapi kesukaran mendapatkan makanan berikutan banjir yang menjejaskan pergerakan keluar masuk di kawasan tersebut.

Datuk Seri Nancy turut memberi jaminan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta agensi berkaitan berada dalam keadaan siap siaga sepanjang musim tengkujuh bagi memastikan keselamatan dan kebajikan mangsa banjir sentiasa menjadi keutamaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Majikan digalak manfaat insentif Potongan Cukai Aktiviti kekeluargaan

© 23 November 2025, 3:11pm



Oleh: Kadir Edison

KUCHING: Masih ramai majikan didapati belum memanfaatkan insentif potongan cukai 100 peratus yang disediakan kerajaan bagi penganjuran aktiviti kekeluargaan untuk pekerja, meskipun kemudahan itu diperkenalkan sejak dua tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata tahap kesedaran dalam kalangan majikan terhadap kemudahan itu masih rendah, selain terdapat syarikat yang terus menghantar tuntutan kepada Kementerian Kewangan tanpa melalui proses makluman dan pengesahan awal oleh kementerian berkenaan.

Menurut beliau, keadaan itu menyebabkan sebahagian permohonan tidak dapat diproses dengan sempurna seperti ditetapkan.

Insentif berkenaan, seperti termaktub dalam Perkara 7 dan 71 Akta Cukai 167, merangkumi perbelanjaan penganjuran hari keluarga, sukan, makan malam tahunan, latihan pembangunan pasukan serta pelbagai program rekreasi pekerja.

"Kalau mereka tidak maklumkan kita, mungkin mereka terus kepada MOF. Maka kami tidak tahulah, melainkan mereka melalui kami, kita dapat membantu memprosesnya.

"Untuk melayakkan majikan menuntut potongan cukai, beberapa syarat asas perlu dipatuhi. Aktiviti tersebut mestilah dianjurkan oleh majikan dan memberi manfaat kepada semua pekerja atau kumpulan pekerja tertentu. Jadi perbelanjaan mestilah munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Program Kem Kasih Sekeluarga 2.0 di sini.

Nancy berkata, pelbagai aktiviti berkumpulan seperti temasya tahunan atau sukan syarikat layak dituntut kerana mampu meningkatkan produktiviti, memupuk hubungan baik serta kerjasama dalam kalangan pekerja.

Katanya, kementerian menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan terus menggalakkan penganjuran aktiviti berasaskan kekeluargaan di seluruh negara bagi membudayakan nilai kekeluargaan dalam organisasi.

Usaha itu juga penting, jelasnya, untuk membentuk komuniti sejahtera, menyokong pembangunan negara dan memperkukuh hubungan dalam kalangan pekerja dalam persekitaran kerja yang kondusif.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keberanian Mohamad Amirul Asyraf redah api selamatkan bapa saudara

Muhamad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my



MOHAMAD Amirul Asyraf di samping trofi dan hadiah diterima selepas dinobatkan penerima Anugerah Pingat Hang Tuah. FOTO Hari Anggara.

Kuala Lumpur: Remaja berusia 14 tahun yang menyelamatkan dua bapa saudara orang kurang upaya (OKU) dalam kebakaran di Felda Kerteh 2, Terengganu, April lalu dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pingat Hang Tuah sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak 2025.

Mohamad Amirul Asyraf Khairul Azahar menerima anugerah berkenaan yang disampaikan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Anak sulung daripada empat beradik itu membawa pulang wang tunai RM5,000, unit amanah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bernilai RM3,000 dan trofi.

Dalam majlis itu, tujuh anugerah diumumkan merangkumi Anugerah Pingat Hang Tuah, Anugerah Khas Kanak-Kanak, Anugerah Gemilang Akademik, Anugerah Gemilang Kebudayaan dan Kesenian, Anugerah Gemilang OKU, Anugerah Gemilang Sukan dan Anugerah Khas NGO Kanak-Kanak.

Hadir sama dalam majlis itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Maziah Che Yusoff; Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Che Murad Sayang Ramjan; dan Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Raja Tan Sri Datuk Seri Arshad Raja Tun Uda.

Mohamad Amirul ketika ditemui menzahirkan perasaan terharu dan bersyukur menerima Anugerah Pingat Hang Tuah yang hanya diberikan kepada kanak-kanak yang memiliki keberanian luar biasa.

Katanya, dia sama sekali tidak menyangka akan terpilih menerima anugerah itu kerana menganggap apa yang dilakukan pada hari kejadian demi menjaga keselamatan keluarga.

"Harapan saya, anugerah ini dapat memberi inspirasi kepada kanak-kanak di luar sana untuk berani berdepan dengan segala cabaran yang dihadapi dalam hidup," katanya yang bercita-cita menjadi anggota bomba.

Mengimbas kembali tragedi itu, Mohamad Amirul yang tinggal di rumah neneknya berkata, dia sedang tidur di ruang tamu apabila merasai bahang panas pada jam 10 pagi dan melihat api mulai marak dari bilik tidur bapa saudara dipanggil Pak Long.

"Tanpa berfikir, saya bergegas ke bilik itu dan melihat Pak Long yang merupakan OKU pembelajaran hanya termenung memandang api yang semakin marak.

"Saya segera menjerit memanggilnya dan mengarahkan dia ke dapur untuk keluar melalui pintu belakang," katanya.

Selepas itu katanya, dia mencari bapa saudara kedua dikenali Pak Ngah yang berada di dalam bilik dan masih tidak menyedari rumah mereka sedang terbakar.

Katanya, dia menarik tangan bapa saudaranya itu untuk berlari keluar rumah dan beberapa minit kemudian, rumah berkenaan hangus.

"Pada ketika itu, saya hanya fikirkan keselamatan dua bapa saudara tanpa memikirkan keselamatan diri. Saya bersyukur biarpun rumah hangus terbakar, mereka dapat diselamatkan," katanya.

Sementara itu, bapanya, Khairul Azhar Ismail, 38, berkata, dia bangga dengan tindakan anaknya yang menyelamatkan nyawa ahli keluarga, sekali gus menunjukkan sikap bertanggungjawab.

Katanya, anaknya seorang pendiam namun aktif dalam sukan mempertahankan diri.

"Ketika kejadian itu saya berada di luar kawasan. Dialah (Mohamad Amirul) yang ambil peranan jaga keluarga. Kalau dia tak ada, mungkin lain jadinya.

"Sebagai bapa saya harap keberanian anak menyelamatkan keluarga dan pengiktirafan yang diterima menjadi contoh kepada kanak-kanak lain untuk berani membantu orang ketika kecemasan," katanya

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM terima pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 23 November 2025 09:45 PM



Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 23 November – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records menerusi Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata

Program Kasih Kanak-kanak JKN itu diiktiraf sebagai 'The Largest Child Protection Advocacy Programme.'

"Kita komited melalui JKM memperkukuh peranan komuniti dalam memastikan anak-anak mendapat perlindungan sewajarnya, dijauhkan daripada penderaan, pengabaian dan eksploitasi. Ini selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

"Satu panggilan mungkin dapat menyelamatkan kanak-kanak yang dianiaya, terabai atau didera. Kita semua boleh menjadi mata dan telinga bagi membantu sekiranya perkara itu berlaku."

Beliau ditemui media pada Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2025 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Menurutnya, program berkenaan berjaya melepasi sasaran asal iaitu 300 sekolah dengan capaian 337 sekolah, sekali gus memberi manfaat kepada 128,148 kanak-kanak pada 2024.

Turut hadir menyempurnakan program tersebut, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak yang juga isteri Perdana Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sambutan Hari Kanak-Kanak 2025, hak kanak-kanak didengari

Nasional - Dicipta: 23 November 2025 08:30 PM



Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 23 November – Semua pihak diseru memainkan peranan dalam melindungi hak dan keselamatan kanak-kanak.

Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, pelaksanaan amat penting bagi memastikan kanak-kanak membesar dengan baik, sekali gus memenuhi potensi diri mereka demi masa depan bersama.

“Kita perlukan kerjasama semua pihak. Setiap inisiatif perlu benar-benar berkesan. Sebarang aduan mengenai penganiayaan kanak-kanak harus disalurkan melalui saluran sah dan tidak diabaikan. Anak-anak adalah masa depan negara, generasi pewaris yang akan membina masa depan,” katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Datuk Seri Dr Wan Azizah memaklumkan sebanyak RM9 juta diperuntukkan bagi program pembangunan kanak-kanak serta sokongan sosial setempat.

Beliau turut menjelaskan pelbagai inisiatif telah dirangka untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terus terpelihara.

Antaranya, pelaksanaan mahkamah bergerak khas kanak-kanak, mempercepatkan pengurusan kes di mahkamah, melindungi identiti dan emosi kanak-kanak mangsa jenayah serta memperkasa bahagian siasatan seksual wanita dan kanak-kanak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9,384 mangsa banjir direkodkan di tujuh negeri, Kelantan tertinggi

Ercy Gracella Ajos
am@hmetro.com.my



Pengurusan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengambil inisiatif menyediakan bot bagi membantu pelajar keluar dari kolej kediaman di Kota Bharu, hari ini. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Kuala Lumpur: Seramai 9,384 mangsa banjir membabitkan 3,362 keluarga direkodkan di tujuh negeri, setakat jam 11 malam ini.

Berdasarkan laman sesawang Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kelantan terus merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu seramai 8,224 orang membabitkan 3,011 keluarga yang ditempatkan di 33 pusat pemindahan sementara (PPS) di empat daerah.

Empat daerah itu membabitkan kawasan Tumpat (4,349 mangsa), Bachok (1,487 mangsa), Kota Bharu (2,263 mangsa) dan Pasir Puteh (124 mangsa).

Selain Kelantan, negeri lain yang terjejas termasuk Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Sarawak, Selangor dan Perak.

Menurut laman Info Bencana JKM, Terengganu mencatatkan seramai 369 mangsa yang ditempatkan di dua PPS; Kedah (296 mangsa); Pulau Pinang (219 mangsa) dan Perlis (196 mangsa).

Selain itu, Sarawak membabitkan 44 mangsa, Selangor (26 mangsa) dan Perak (10 mangsa).

Berdasarkan rekod taburan pecahan mangsa, seramai 2,877 individu terdiri daripada lelaki dewasa, 3,045 perempuan dewasa, 1,642 kanak-kanak lelaki dan 1,510 kanak-kanak perempuan.

Daripada keseluruhan mangsa, seramai 153 bayi lelaki dan 157 bayi perempuan direkodkan terjejas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MTL: Kedah Negeri Terbaharu Dilanda Banjir

🕒 23/11/2025 10:39 AM



KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Kedah menjadi negeri terbaharu yang dilanda banjir, selepas Kelantan dan Terengganu, sekali gus merekodkan jumlah keseluruhan mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga buah negeri itu sebanyak 2,112 mangsa pagi ini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Kedah dalam kenyataan memaklumkan kesemua 225 mangsa daripada 66 keluarga dari daerah Kulim ditempatkan di PPS Masjid Al-Muhtadin Sungai Seluang, Surau Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Naga Lilit dan Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Tok Dik.

"Mukim yang terlibat ialah Sungai Seluang dan mangsa adalah dari Kampung Siam, Kampung Bukit Sarang Ayam, Kampung Paya Serdang, Kampung Titi Tok Aris dan Kampung Padang Cina," menurut kenyataan itu hari ini.

Sementara itu, mangsa banjir di **KELANTAN** mencatat peningkatan kepada 1,623 orang pagi ini berbanding 1,170 orang malam tadi melibatkan tiga jajahan yang terjejas susulan hujan lebat berterusan tahap waspada sejak Jumaat lepas.

Infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan ekoran itu, 12 PPS kini beroperasi di Kota Bharu, Tumpat dan Bachok.

PPS yang terlibat di Kota Bharu ialah SK Sering, SK Raja Sakti, SK Tapang, SK Parang Puting, SK Islah, SK Seribong, dan SK Sabak, manakala di Tumpat melibatkan SK Seri Tumpat 2 dan SK Pengkalan Kubor 2, selain tiga PPS di Bachok, iaitu SK Sembilan Pauh, SK Jelawat dan SK Pa'Pura.

Di **TERENGGANU**, situasi banjir menunjukkan sedikit penurunan jumlah mangsa yang ditempatkan di PPS berbanding malam tadi.

Menurut laman web info bencana JKM, sebanyak 264 mangsa daripada 87 keluarga dari Kampung Baru, Pulau Redang masih berlindung di PPS Masjid Kampung Pulau Redang di Kuala Neris berbanding 276 mangsa malam tadi.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang yang dijangka berlaku di tujuh negeri setakat 1 tengah hari ini.

MetMalaysia dalam kenyataan memaklumkan negeri terlibat ialah Perak membabitkan kawasan Manjung, Kinta, Perak Tengah, Kampar, Bagan Datuk, Hilir Perak, Batang Padang dan Muallim, serta Pahang (Tanah Tinggi Cameron, Lipis dan Raub).

Turut terlibat ialah kawasan Sabak Bernam dan Hulu Selangor di Selangor; Port Dickson, Rembau dan Tampin di Negeri Sembilan; Tangkak dan Muar di Johor, serta Melaka.

Amaran itu turut melibatkan kawasan Sandakan (Telupid, Kinabatangan, Beluran dan Sandakan) dan Kudat di Sabah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pasir Puteh daerah keempat dilanda banjir di Kelantan

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim** - November 23, 2025 @ 1:08pm



Hujan berterusan sejak petang Khamis lalu menyebabkan beberapa laluan sekitar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota, Pengkalan Chepa dinaiki air. - NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

KOTA BHARU: Hujan berterusan menyebabkan mangsa **banjir** di Kelantan terus meningkat kepada 3,445 orang sehingga jam 12 tengah hari ini.

Pasir Puteh merekodkan daerah terbaharu dilanda banjir yang menjadikan kini empat daerah terbabit banjir selepas Bachok, Kota Bharu dan Tumpat.

Berdasarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semua mangsa banjir membabitkan 1,362 keluarga kini ditempatkan di 20 PPS.

Tumpat merekodkan mangsa banjir paling ramai iaitu 1,841 orang daripada 806 keluarga diikuti Kota Bharu dan Bachok masing-masing merekodkan 801 mangsa dan Pasir Puteh setakat ini merekodkan dua mangsa.

Bilangan mangsa banjir dijangka terus meningkat memandangkan kebanyakan daerah masih dilanda hujan berterusan sehingga tengah hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga PPS dibuka di Terengganu, tempatkan 571 keluarga setakat ini

Nazdy Harun

am@hmetro.com.my



Kuala Terengganu: Tiga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di buka di Terengganu membabitkan dua di daerah Besut dan satu di Kuala Nerus menempatan 571 keluarga setakat ini.

Menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dua PPS di Besut iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Besut, menempatan 134 mangsa daripada 33 keluarga.

SK Pulau Perhentian pula, menempatan 50 Mangsa daripada 12 keluarga manakala PPS Kuala Nerus iaitu di Masjid Pulau Redang, menempatan 387 mangsa daripada 85 keluarga.

Sementara itu, laman rasmi Public Infobanjir memaklumkan, Sungai Chalok di Jambatan Chalok, Setiu, menunjukkan paras normal iaitu 6.02 meter namun dalam keadaan trend menaik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pulau Perhentian pula dilanda banjir

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my



Keadaan banjir yang berlaku di Pulau Perhentian. Foto Ihsan Penduduk

Besut: Selepas Pulau Redang, kini giliran Pulau Perhentian pula berdepan bencana banjir berikutan air pasang dan hujan lebat berterusan sejak malam semalam.

Penduduk, Mohd Deraman, 68, berkata, air mula naik pada jam 6 pagi menyebabkan beberapa kediaman penduduk serta laluan utama di kampung itu ditenggelami banjir hampir satu meter.

Menurutnya, fenomena itu jarang berlaku di kawasan pulau berkenaan namun hujan lebat tanpa henti sejak malam Sabtu mengakibatkan berlakunya banjir.

"Kami bimbang kerana paras air tidak menunjukkan tanda surut kerana hujan masih berterusan.

"Majoriti penduduk tidak sempat buat persiapan awal kerana air naik terlalu cepat dan ada yang terus mengangkat barang-barang penting ke tempat tinggi termasuk dokumen, pakaian dan peralatan elektrik," katanya.

Mohd berkata, tiada penduduk dipindahkan sehingga jam 10 pagi ini kerana keadaan masih terkawal namun semua masih dalam keadaan berjaga-jaga memandangkan hujan masih berterusan.

Menurutnya, buat masa ini penduduk masih kekal di rumah masing-masing tetapi kami semua bersedia untuk berpindah sekiranya diarahkan pihak berwajib.

Katanya, dia berharap hujan kembali reda kerana sekiranya berterusan akan mengakibatkan keadaan semakin buruk.

"Sebelum ini pun pernah berlaku namun kali ini banjir berlaku secara mendadak hingga mengakibatkan timbulnya situasi kelam-kabut dalam kalangan penduduk.

"Namun, dalam masa sama kami masih berwaspada kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku memandangkan cuaca masih tidak menentu dan kedudukan kami pula di bahagian pulau," katanya.

Sementara itu, menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebuah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Pulau Perhentian mula dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Perhentian sebagai langkah kesiapsiagaan namun tiada mangsa direkodkan setakat ini.

Manakala situasi banjir di Kampung Baru Pulau Redang semakin memburuk apabila jumlah mangsa meningkat kepada 353 penduduk daripada 82 keluarga.

Semua mangsa ditempatkan di PPS Masjid Kampung Pulau Redang yang dibuka pagi Sabtu berikutan hujan berterusan sejak malam Jumaat disusuli fenomena air pasang besar.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Darah haid selamatkan remaja daripada dirogol

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



GAMBAR Hiasan

Kuala Lumpur: Remaja perempuan yang sedang dalam haid terselamat daripada menjadi mangsa rogol pekerja bapanya di sebuah rumah di Setapak, di sini.

Menurut sumber, kejadian berlaku pada 4.40 pagi Isnin lalu, ketika mangsa berusia 15 tahun sendirian di rumah keluarganya.

Katanya, suspek dikatakan mencerooboh kediaman berkenaan dan menolak mangsa masuk ke dalam bilik serta mengugutnya.

"Suspek cuba merogol mangsa, namun berhenti (tidak meneruskan perbuatan) apabila mengetahui remaja terbabit sedang haid.

"Suspek kemudian terus beredar dari kediaman tersebut," katanya.

Sumber berkata, ketika kejadian keluarga mangsa berada di hospital dan mangsa tinggal bersendirian.

"Susulan itu, mangsa tampil membuat laporan di Balai Polis Setapak untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian.

"Suspek sudah ditahan dan direman seminggu sehingga esok bagi membantu siasatan," katanya ketika dihubungi Harian Metro hari ini.